

14/10/1997

Ahli MAYC gotong-royong bersih Gunung Jerai

YAN, Isnin - Seramai 50 ahli Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) mengadakan gotong-royong mengangkut pelbagai bahan binaan bagi membina tangga untuk mendaki gunung tertinggi di negeri ini, iaitu Gunung Jerai.

Kerja sukarela itu dimulakan sejak tiga hari lalu berakhir semalam.

Pengerusi MAYC negeri, Dr Awang Ahmad Sulaiman, berkata pihaknya mengadakan program itu sebagai tanda sokongan terhadap projek membina Tangga Kenari 1000 Tahun, yang diilhamkan Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid.

Projek itu yang sebelum ini pernah dilawati Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka menjadi daya tarikan pelancong di negeri ini, apabila siap sepenuhnya tidak lama lagi.

Awang Ahmad berkata, ini adalah kali kedua pihaknya memberi sumbangan tenaga bagi membantu projek pembinaan tangga batu itu.

"MAYC negeri akan terus memberi sumbangan tenaga bagi menjayakan projek berkenaan selepas ini," katanya.

Sehingga ini, kira-kira 500 anak tangga sudah siap dibina untuk mendaki gunung berkenaan. Projek berkenaan dikendalikan sebuah syarikat tempatan.

Kerja-kerja pembinaan itu memakan masa agak lama kerana bahan binaan tidak boleh diangkut terus ke tempat pembinaan menggunakan lori.

(END)